

# Pelbagai elemen jadikan negara model keharmonian bangsa



**DR HASNAH HUSIN**

hasnah@ump.edu.my

**M**alaysia kini adalah negara membangun paling maju berbanding negara membangun lain. Malaysia juga dikenali dunia kerana kestabilan dan kemakmuran politik, ekonomi dan sosial.

Pembangunan negara dilihat sebagai kejayaan sehingga beberapa negara menjadikan Malaysia sebagai model pembangunan. Antara elemen yang menjadikan Malaysia unik ialah perpaduan hubungan etnik yang harmonis. Kestabilan politik, ekonomi dan sosial tidak akan berlaku sekiranya perpaduan etnik tidak dijaga dan dibaja setiap masa.

Hakikat Malaysia adalah negara majmuk membuatkan pemerintah selama ini sentiasa mementingkan perpaduan kaum. Terdapat banyak ruang untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Malah, ia wujud dalam kehidupan sehari-hari kita tanpa kita sedari.

## Wakili pelbagai bangsa

Antara elemen penting demokrasi berperlembagaan yang diamalkan Malaysia ialah kewujudan parti politik. Setiap parti politik pula ada wakil bangsa yang besar seperti Melayu, Cina dan India. Walau apa pun manifesto dan perjuangan, semua parti politik memainkan peranan penting untuk memelihara kesejahteraan dan keamanan negara.

Integrasi kaum juga boleh dijalankan melalui integrasi ekonomi. Melalui integrasi ekonomi setiap kaum boleh bertukar-bertukar pendapat, idea, dan teknik dalam memacu ekonomi negara. Integrasi ekonomi boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti perkongsian perniagaan, perkongsian modal, perkongsian syarikat, dan perkongsian pelaburan.

Dengan kerjasama sebegini, secara tidak langsung akan mewujudkan perkongsian kepentingan, idea dan kepakaran dan sudah tentulah hubungan kaum akan lebih kukuh.

Hari keluarga pula sememangnya sudah sebat dengan budaya masyarakat Malaysia dan boleh dijadikan wadah perpaduan. Melalui hari keluarga membabitkan pelbagai kaum dan agama mampu membentuk hubungan kaum kerana setiap kementerian, jabatan dan organisasi sudah tentu terdiri dari pelbagai bangsa dan agama.

Sambutan kemerdekaan adalah peristiwa besar tahunan bagi setiap rakyat Malaysia. Sudah pasti ia disambut dengan meriah oleh semua lapisan masyarakat negara ini. Sememangnya sambutan kemerdekaan itu membabitkan semua kaum dan adalah satu kejayaan kepada Malaysia. Namun, ia perlu dilakukan dengan lebih meriah menerusi program yang membabitkan semua kaum.

Pendidikan pula memainkan peranan penting dalam mendidik anak bangsa agar berusaha untuk maju dan menjadi aset kepada pembangunan negara. Antara elemen penting dalam sistem pendidikan di Malaysia

ia digubal khas untuk memenuhi kehendak dan ciri-ciri negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

## Komitmen pemerintah

Sistem pendidikan inilah menggambarkan komitmen pemerintah untuk menyatupadukan kaum di negara ini. Antara langkah yang boleh membantu mempereratkan lagi hubungan kaum di negara ini ialah pengenalan subjek bahasa Cina dan Tamil di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ini adalah untuk mendedahkan anak Melayu dengan bahasa tersebut dan memudahkan komunikasi antara tiga kaum terbesar.

Satu langkah yang boleh mengeratkan perpaduan kaum di kawasan perumahan ialah dengan adanya Rukun Tetangga. Melalui Rukun Tetangga, pelbagai kaum boleh bekerjasama menjaga keselamatan kawasan perumahan daripada anasir yang tidak diingini dan ini secara tidak langsung dapat memupuk perasaan kekitaan demi keselamatan bersama.

Tidakkah kita terfikir selama ini bahawa makanan juga boleh berperanan sebagai ejen perpaduan di Malaysia? Kita ambil contoh kedai

**“Dalam usaha mengintegrasikan kaum melalui pemakanan, setiap kaum perlu mengetahui apakah makanan yang digemari oleh kaum yang lain, apa yang mereka makan dan apakah makanan yang mereka tidak boleh makan”**



Kepelbagaiannya di negara ini mewujudkan keharmonian serta mengukuhkan ikatan perpaduan yang terjalin selama ini.

mamak. Kedai mamak sebenarnya memainkan peranan mencetuskan fenomena perpaduan kaum kerana semua kaum iaitu Melayu, Cina dan India boleh makan bersama dan duduk semeja menikmati roti canai, capati atau mi goreng mamak.

Cuba kita lihat juga kepada fenomena warung yang kebanyakannya dimiliki orang Melayu. Masakan Melayu seperti nasi lemak telah menjadi kegemaran semua rakyat Malaysia tidak mengira bangsa. Inilah uniknya Malaysia. Dalam usaha mengintegrasikan kaum melalui pemakanan, setiap kaum perlu mengetahui apakah makanan yang digemari oleh kaum yang lain, apa yang mereka makan dan apakah makanan yang mereka tidak boleh makan.

## Makanan tarikan utama

Seiringan dengan itu juga Malaysia sentiasa mengadakan konsep rumah terbuka bagi semua perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Ini menunjukkan makanan telah menjadi daya tarikan untuk semua kaum berkumpul dan berjumpa serta dapat mengenali budaya bangsa dan agama lain.

Hubungan kaum di Malaysia sampai pada waktu ini masih lagi terkawal biarpun ada sedikit ketegangan namun ia masih mampu mengelakkan keamanan yang kita kecapi kini. Biarpun negara ini tidak ada perbalahan kaum besar-besaran seperti di negara lain, tetapi kata pepatah ada mengatakan “air yang tenang jangan disangka tidak ada buaya, dan kerana nila setitik rosak susu sebelanga”. Justeru, kita perlu sentiasa menjaga keamanan dan perpaduan kaum yang ada ini dan perlu digilap setiap masa agar ia sentiasa relevan walaupun zaman sentiasa berubah.

## Penulis

ialah ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

[GAMBAR HIASAN]